

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]

TARIKH JAWAPAN : -
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN :

Tuan William Leong Jee Keen minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan bilangan dan butir-butir Pengeluar Tenaga Bebas Generasi Pertama yang telah dilanjutkan dan sebab-sebab untuk perlanjutan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kerajaan telah melanjutkan tempoh perkhidmatan bagi tiga buah stesen jana kuasa milik Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Pengeluar Tenaga Bebas (*Independent Power Producer - IPP*) Generasi Pertama melalui proses pembidaan kompetitif di bawah Bidaan Trek 2. Loji-loji jana kuasa tersebut adalah seperti berikut:

Bil.	Pemilik Loji Jana Kuasa	Kapasiti (MW)	Levelised Tariff (sen/kWj)	Tahun PPA Luput (Asal)	Tahun PPA Luput (Baru)	Tempoh Lanjutan
i.	Genting Sanyen Power Sdn. Bhd.	675	35.3	Februari 2016	Februari 2026	10 tahun
ii.	Segari Energy Ventures	1,303	36.3	Jun 2017	Jun 2027	10 tahun
iii.	TNB Pasir Gudang	275	37.4	Ogos 2017	Ogos 2022	5 tahun

Nota : PPA – *Power Purchase Agreement*

2. Sebelum pihak TNB/IPP Generasi Pertama tersebut dibenarkan untuk menyertai proses pembidaan kompetitif, mereka dikehendaki bersetuju untuk mengurangkan kadar bayaran kapasiti (*Capacity Payment – CP*) dan kadar jualan tenaga termasuk kadar *Fixed Operating Rate (FOR)* dan *Variable Operating Rate (VOR)* sedia ada ke tahap yang lebih rendah untuk tempoh 48 bulan. Pihak IPP Generasi Pertama

itu juga perlu menandatangani Perjanjian Pembelian Tenaga (*Power Purchase Agreement – PPA*) baru yang menggunakan format dan terma-terma yang telah ditetapkan oleh pihak Suruhanjaya Tenaga. Di bawah PPA yang baru, syarat-syarat dalam PPA ini adalah lebih adil kepada semua pihak, khususnya pengguna-pengguna di Semenanjung.

3. Perlanjutan tempoh perkhidmatan IPP ini dibuat adalah atas sebab-sebab berikut:

- i. ketidaktentuan loji-loji janakuasa baru yang sedang dibina siap untuk beroperasi;
- ii. jangka hayat loji jana kuasa tersebut masih boleh dimanfaatkan;
- iii. loji-loji jana kuasa tersebut masih kompetitif dan mampu beroperasi pada tahap yang efisien; dan
- iv. perlanjutan loji jana kuasa tersebut dapat memenuhi permintaan elektrik negara.

4. Hasil daripada Bidaan Trek 2, bayaran kapasiti di bawah PPA sedia ada dapat dikurangkan sebanyak RM 1.65 bilion.
